

20 FEB 1996

Dr Mahathir-Rumah Terbuka

BERIBU-RIBU MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI DAN ISTERI

(Dengan Gambar)

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini meraikan beribu-ribu rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat di Sri Perdana sempena Aidil Fitri.

Mereka yang masih menyambut Tahun Baru Cina juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan "Selamat Hari Raya" kepada Dr Mahathir dan isteri di Sri Perdana dan juga menikmati pelbagai juadah yang disediakan.

Sambutan berganda dan cuti yang panjang tidak menjadi penghalang kepada ramai warga kota khususnya untuk mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri dan isteri.

Tetamu tempatan dan asing mula tiba di Sri Perdana seawal 8.30 pagi.

Antara orang-orang kenamaan yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan beberapa Menteri dan Timbalan Menteri.

Juga tidak ketinggalan mereka yang cacat, paderi-paderi dan penuntut-penuntut. Beberapa tetamu menyampaikan kalungan bunga kepada Dr Mahathir sementara ada yang meminta beliau menandatangani autograf.

Suasana meriah jelas di Sri Perdana dan para hadirin menjamu selera dengan pelbagai juadah tradisional seperti satay, rendang, ketupat, dodol dan gula-gula.

Anwar juga mengadakan rumah terbuka beliau sempena hari lebaran di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini. -- Bernama

ES PR